



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

KERJASAMA SKMM, PDRM DAN BANK NEGARA BERJAYA KURANGKAN JENAYAH 'PHISHING' DAN TINGKATKAN KEYAKINAN PENGGUNA TERHADAP TAHAP KESELAMATAN PERBANKAN DALAM TALIAN DAN E-PERNIAGAAN

CYBERJAYA, 1 Julai 2013 --- Jenayah 'phishing' yang sering berlaku kepada pengguna perkhidmatan perbankan dalam talian dan e-perniagaan kini semakin berkurang hasil daripada usahasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Pengurangan tersebut juga dilihat telah meningkatkan keyakinan pengguna terhadap keselamatan perkhidmatan perbankan dalam talian dan e-perniagaan.

'Phishing' adalah satu bentuk penipuan dalam talian yang berniat untuk mencuri maklumat atau identiti seseorang menerusi e-mel. Maklumat peribadi yang diperolehi dengan cara 'phishing' ini digunakan oleh pencuri untuk masuk ke dalam akaun bank mangsa dan mencuri wang mereka.

SKMM telah berjaya mengesan dan menurunkan sejumlah 2,611 laman phishing di negara ini pada 2012. Jumlah laman phishing yang berjaya diturunkan dari Januari hingga Mei 2013 ialah 652 berbanding 835 pada tempoh yang sama pada tahun 2012. Penurunan jenayah tersebut membuktikan bahawa tindakan penguatkuasaan semakin berkesan. Ia juga menunjukkan peningkatan kesedaran orang ramai untuk lebih berhati-hati semasa melakukan transaksi perbankan dan e-perniagaan dalam talian juga menyumbang kepada penurunan tersebut.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SNSC), jabatan yang bertanggungjawab menangani masalah 'phishing' ini, berfungsi 24 jam sehari dan dalam kebanyakan kes mengambil masa tidak lebih empat jam untuk menurunkan sesebuah laman 'phishing' yang dikesan. Tempoh tersebut bergantung kepada lokasi sama ada ianya berlaku di dalam atau di luar negara. Selain daripada kerjasama yang baik dengan PDRM dan BNM, SNSC turut bekerjasama dengan penguatkuasa daripada luar negara seperti CERTs (Cyber Emergency Response Teams) untuk bantuan. SNSC juga melaporkan lain-lain inisiatif 'anti-phishing' ke arah perlindungan dalam pelayar (in-browser protection) bagi pelayar seperti Google Chrome, Internet Explorer, Firefox dan lain-lain.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk maklumat lanjut mengenai SNSC, layari laman sesawang berikut:

<http://snc.skmm.gov.my/ini-anti-phishing.php>

[TAMAT]

For Immediate Release

JOINT EFFORT BETWEEN MCMC, PDRM AND BANK NEGARA HAS REDUCED 'PHISHING' CRIME AND INCREASED CONSUMER CONFIDENCE IN THE LEVEL OF SECURITY OF ONLINE BANKING AND E-COMMERCE

CYBERJAYA, 1 July 2013 --- The number of phishing crimes which often happens to users of online banking and e-commerce has decreased due to the joint effort of Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Royal Malaysian Police (PDRM) and Bank Negara (BNM). The reduction has also increased the consumer confidence in security of online banking services and e-commerce.

Phishing is one of the many online scams that steal personal information or identity through e-mail. Personal information obtained from phishing is used by the perpetrator to break into the victim's bank account.

MCMC has successfully taken down a total of 2,611 phishing sites in this country in 2012. The total of phishing sites taken down from January to May 2013 is 652 compared to 835 in the same period in 2012. The reduction in phishing cases shows that enforcement activities have been effective. It also shows that the public awareness has risen with more users being careful in their online banking and e-commerce activities.

SKMM Network Security Centre (SNSC), which is responsible for mitigating the phishing reports, functions 24 hours a day and in most cases takes not more than four hours to take down a phishing site. The length of time for a site to be pulled down depends on the location, whether it originates locally or from overseas. Other than working closely with PDRM and BNM, SNSC reports the phishing instances to other international agencies such as CERTs (Cyber Emergency Response Teams) for assistance. SNSC also



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

reports to other anti-phishing initiatives which lead to in-browser phishing protection for browsers such as Google Chrome, Internet Explorer, Firefox and many others.

For more information about SNSC, please visit its website:

<http://snc.skmm.gov.my/ini-anti-phishing.php>

[END]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Penasihat dan Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my